

KELEBIHAN MURID AL QADIRIAH

Seandainya hendak dihitung akan kesemua jumlah bilangan murid-murid Syeikh 'Abdul Qadir r.a, nescaya tidak akan terhitung. Tidak ada walau seorang pun dari muridnya yang meninggal dunia melainkan dalam keadaan bertaubat. Muridnya dan seterusnya murid dari muridnya hingga ke tujuh lapisan bakal masuk ke dalam syurga.

Telah diriwayatkan oleh Syeikh 'Ali al Gharthani yang menyatakan bahawa telah berkatalah Syeikh 'Abdul Qadir r.a kepadanya;

“Aku bertanya malaikat Malik yang menjaga neraka, apakah ada di dalam neraka itu muridku. Malaikat Malik berkata; “Tidak ada walau seorangpun, dengan izin Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.”

“Selanjutnya Syeikh r.a berkata; “Tanganku di atas anak muridku laksana langit di atas bumi. Kiranya ada di antara anak muridku yang tidak sebegitu sihat sedangkan aku dalam keadaan yang baik, demi Allah, kakiku tidak akan berundur dari memohon ke Hazrat Allah sehinggalah Allah Ta'ala memasukkan aku dan memasukkan dia ke dalam syurga.”

Pada suatu hari Syeikh 'Abdul Qadir r.a ditanya orang;

“Dari sudut manakah Tuan Syeikh melihat seorang yang membangsakan dirinya al Qadiri, walhal orang itu tidak pernah mendapat pengajaran dari Tuan, atau tidak berbaiah thoriqah dengan Tuan? Bolehkah dikira orang itu sebagai anak murid Tuan?” Syeikh r.a menjawab;

“Sekiranya seseorang itu mengaku sebagai anak muridku dengan menggelar dirinya sebagai al Qadiri, ataupun bertawasul denganku, Allah s.w.t akan menerimanya, sekalipun dalam keadaan yang patut ditegur atau dicela, mereka termasuk dalam ahli jemaah muridku.”

Telah berkatalah Sultanul Awliya', Syeikhuna Syeikh 'Abdul Qadir al Jilani r.a;

“Untuk orang Islam yang melangkahkan kaki ke kawasan Madrasahku, nescaya akan terangkat dari mereka akan kesengsaraan di hari kiamat kelak.”

Salah seorang dari penduduk kota Baghdad telah datang berjumpa dengan Syeikh 'Abdul Qadiri r.a, lalu berkata;

“Wahai guru kami! Ayahku telah meninggal dunia. Malam tadi, aku bermimpi bertemu dengannya, dan dia mengatakan bahawa dia disiksa di dalam kuburnya. Dia berkata; “Wahai anakku, kamu mesti pergi berjumpa dengan Syeikh 'Abdul Qadir r.a, mintalah kepadanya supaya mendoakan aku, agar terangkatlah hendaknya siksa ini.”

Mendengarkan itu, Syeikh r.a bertanya;

“Adakah pernah ayahmu itu melintas di kawasan madrasahku?” Orang itu mengatakan ada. Sesudah itu, Syeikh r.a tidak bersuara lagi.


Selang sehari kemudiannya, orang itu datang lagi bertemu Syeikh 'Abdul Qadir r.a. Dengan wajah gembira, dia berkata; “Alhamdulillah Tuan Syeikh, semalam aku bermimpi bertemu dengan ayahku lagi. Pada kali ini, senyumnya melebar panjang, dia berpakaian cantik warna hijau. Dia berkata kepadaku;

“Dengan syafaat Syeikh 'Abdul Qadir r.a, Allah s.w.t melepaskan aku dari siksaan kubur, seperti yang kamu lihat pakaian yang aku pakai ini. Maka sebab itu wahai anakku, mulai sekarang kamu mestilah mendekatkan dirimu dengan Syeikh 'Abdul Qadir r.a itu.”

Syeikh 'Abdul Qadir r.a selanjutnya berkata;

“Allah s.w.t telah berjanji denganku bahawa orang Islam yang memasuki kawasan madrasahku akan diselamatkan dari siksaan di akhirat kelak.”

Telah diberitahukan kepada Syeikh 'Abdul Qadir r.a bahawa di tanah perkuburan Bab al Azaj sering kedengaran suara jeritan dan tangisan dari orang yang telah meninggal yang dikebumikan di situ.



Masjid Syeikuna r.a

“Pernahkah orang itu mengambil baiah thoriqah denganku?” Tanya Syeikh r.a. Semuanya menjawab tidak tahu. Syeikh r.a bertanya lagi; “Pernahkah dia menghadiri majlis pengajianku?” Tiada di kalangan mereka yang tahu. Lalu Syeikh r.a pun berkata; “Kecuaian itu lebih layak jika kerugian.” Kemudian menundukkan kepalanya dan terus senyap buat beberapa ketika. Sesudah itu mengangkat kepalanya seraya berkata; “Para malaikat telah memberitahu aku bahawa si mati pernah melihat wajahku sekali serta berbaik sangka pula denganku.”

Sesudah itu tiadalah lagi kedengaran jerit tangis dari tanah perkuburan itu.

Riwayat ini pula telah dilaporkan oleh 3 orang Syeikh, iaitu Syeikh Abu Sa'ud 'Abdullah dan Syeikh Muhammad al Awani serta Syeikh 'Umar al Barraz yang sepakat berkata;

“Syeikhuna, Syeikh 'Abdul Qadir r.a telah memberi jaminan kepada anak muridnya sehingga ke hari kiamat, bahawa tidak seorangpun dari muridnya yang mati melainkan dalam keadaan bertaubat. Syeikh r.a juga memberi jaminan akan muridnya dan murid dari muridnya seterusnya hingga 7 generasi bakal memasuki syurga. Dia turut berkata;

“Aku memberi jaminan kepada muridku hingga generasi yang ke 7. Kiranya muridku yang berada di Barat

menghadapi kesusahan manakala aku pula sedang berada di Timur, pasti akan aku tolong. Kita mesti mengambil sikap tolong menolong itu sebagai urusan yang diutamakan bagi memastikan keselamatan dan kebajikan jemaah kita. Beruntung sungguh mereka yang telah melihat aku dan aku berasa amat kasihan terhadap mereka yang tidak berkesempatan melihat akan daku.”

Syeikh 'Ali al Quraisy melaporkan;

“Syeikhuna, Syeikh 'Abdul Qadir r.a pernah berkata;

“Aku telah diserahkan senarai nama-nama yang panjangnya sejauh mata memandang. Ia mengandungi nama sahabat-sahabatku serta murid-muridku sehingga hari kiamat. Aku diberitahu;

“Kesemuanya dalam jaminan tuan.”

Telah diceritakan oleh Syeikh Sahl ibn 'Abdullah at Tustari;

“Pada suatu masa, penduduk kota Baghdad berada dalam keadaan kebingungan serta kehairanan kerana Syeikh 'Abdul Qadir r.a menghilang diri pergi entah kemana. Puas sudah dicari merata-rata, namun tidak ketemu juga. Tidak lama kemudian, datanglah seorang yang kelihatan tercungap-cungap memberitahu dia ternampak gelagat seorang yang seperti Syeikh 'Abdul Qadir r.a sedang menuju ke Sungai Tigris. Maka bergegas-gegaslah orang ramai menuju Sungai Tigris, sambil mencari-cari Syeikh r.a di sepanjang perjalanan. Tiba-tiba terkejutlah orang ramai

dengan apa yang mereka lihat. Rupa-rupanya, Syeikh 'Abdul Qadir r.a sedang berdiri di atas air di tengah Sungai Tigris, setelah dilihatnya orang ramai di pesisiran pantai sungai, dia bergerak ke arah mereka. Saat itulah ikan-ikan pelbagai jenis di sungai itu berenang berlumba-lumba menujunya dalam jumlah yang tak terkira banyaknya, mengucapkan salam dan mencium tangannya.”

“Sedang kami semua dalam perasaan takjub melihat kejadian itu, tiba-tiba kedengaranlah azan Zuhur dikumandangkan. Serentak dengan itu terbentanglelah kain sejadah yang sangat besar terlentang di atas Sungai Tigris, barang yang di antara langit dan bumi. Kain sajadah itu berwarna hijau dengan sulaman emas dan perak di tepinya, sementara di atasnya tertera ayat:

“Sesungguhnya para Wali Allah itu tidak berasa takut dan tidak pula berasa sedih” (10:62) dan ayat

“Rahmat Allah dan berkatNya ke atas ahlul bait. Sesungguhnya DIA adalah Maha Terpuji lagi Maha Mulia.” (11.73)

Kain sejadah tersebut persis permaidani terbang Nabi Allah Sulaiman a.s layaknya.”

“Satu pasukan tentera lengkap dengan pakaian baju besi tiba di tempat kejadian. Kelihatannya mereka seperti sekumpulan singa-singa yang sedang berjaga. Mereka ini dipimpin oleh seorang ketua yang tampaknya amat

berwibawa dengan wajahnya yang tenang. Dia maju ke hadapan ke kain sejadah yang telah ditetapkan lalu diikuti oleh orang-orangnya. Mereka berdiri di hadapan kain sejadah itu dalam keadaan menundukkan kepala sambil menitiskan airmata serta tidak bergerak sedikitpun seolah-olah dalam perbarisan yang akan diperiksa oleh general mereka. Sesudah iqamah dilaungkan, Syeikh 'Abdul Qadir r.a melangkah ke kain sejadah imam lalu terus mengimamkan solat Zuhur yang diikuti oleh sepasukan tentera tersebut serta orang ramai dari penduduk Baghdad yang berada di pesisiran pantai sungai.”

“Apabila Syeikh 'Abdul Qadir r.a mengucapkan 'ALLAHU AKBAR' maka malaikat penjaga 'Arasy turut bertakbir bersama dengannya. Apabila Syeikh 'Abdul Qadir r.a mengucapkan 'SAMI ALLAHU LIMAN HAMIDAH' maka malaikat yang di syurga pun turut mengucapkannya. Apabila Syeikh 'Abdul Qadir r.a memuji akan Allah, sinaran cahaya hijau terpancar dari mulutnya hingga sampai ke langit angkasa raya. Sesudah selesai solat, Syeikh 'Abdul Qadir r.a mengangkat dan menadah tangan berdoa ke hadhrat Allah Ta'ala. Kami mendengar dia berdoa;

“Ya Allah! Demi kerana kemuliaan dan ketinggian Nabi Muhammad s.a.w, demi kerana barakah sahabat-sahabatMU yang Dikau cintai serta hamba-hamba yang Dikau pilih dari kalangan makhluk ciptaan Mu, demi

kerana datuk moyang salasilah keturunanku yang mulia, maka aku merayu kepada Mu ya Allah, janganlah diambil nyawa anak muridku samada yang lelaki atau wanita melainkan mereka dalam keadaan bertaubat.”

Kemudian kami mendengar suara para malaikat berkata 'Amin', lalu kamipun mengikut mengucapkan 'Amin'. Sesudah itu kedengaranlah suara ghaib yang berkata; “Dengarkanlah khabar gembira, Kami memperkenankan permintaanmu itu.”

Daripada Syeikh Abu Fath al Harawi yang berkata; “Aku mendengar Syeikh 'Ali al Hiti berkata;

“Tidak ada murid yang sebegitu gembira terhadap Syeikhnya jika hendak dibandingkan dengan gembiranya murid Syeikh 'Abdul Qadir r.a.”

Syeikh Abu Fath al Harawi juga telah mendengar Syeikh Abu Sa'id al Qailawi berkata;

“Setiap kali tuan kita Syeikh 'Abdul Qadir r.a kembali ke alam tingkatan tingginya, mereka yang berpaut pada kelipit jubah luarnya akan diselamatkan.”

Kata Syeikh Baqa' ibn Batu;

“Aku melihat semua anak murid Syeikh 'Abdul Qadir r.a bergabung dengan pasukan yang dirahmati dengan kebahagiaan.”

Salah seorang daripada Syeikh bertanya kepada Syeikh 'Abdul Qadir r.a;

“Ada di kalangan murid-murid kamu yang bertanggungjawab dan beramal soleh dan ada juga yang tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral.” Dengan ini Syeikh telah menjawab;

“Mereka yang bersungguh-sungguh berada di sana kerana aku, dan aku berada di sana demi kepentingan mereka yang tidak bertanggungjawab dan tidak bermoral ini.”

Syeikh 'Adi ibn Musafir menegaskan;

“Kiranya ada murid kepada seseorang Syeikh yang ingin berbait denganku, nescaya akan ku baitkan akan tetapi jika ada murid Syeikh 'Abdul Qadir r.a yang hendak berbait denganku, nescaya tidak akan aku baitkan kerana anak murid Syeikh 'Abdul Qadir sudah berada di dalam kehebatan belas kasihannya. Kenapa harus seseorang itu meninggalkan lautan samudra, dan datang pula kepada sungai yang kecil?”

'HUWAL AN KAMA KAN'
' DIA SEKARANG SEPERTI DAHULU '